

11 JUL 2000

Abdullah-Persatuan

ABDULLAH MINTA PENDAFTAR PASTIKAN PERSATUAN KEMUKA LAPORAN

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta pihak Pendaftar Pertubuhan memastikan semua pertubuhan dan persatuan mengemukakan laporan tahunan bagi memantau kegiatan mereka.

Beliau berkata banyak persatuan atau pertubuhan tidak mengemukakan laporan tahunan masing-masing dan pihak berkuasa memberikan mereka amaran termasuk menghantar surat mengapa tindakan membatalkan pendaftaran tidak boleh diambil.

Katanya pada peringkat awal, penubuhan semua persatuan dan pertubuhan mempunyai matlamat yang baik tetapi ada pihak yang kemudiannya menyimpang daripada matlamat asal ini.

"Mungkin yang berlaku kemudianlah yang membawa perkara-perkara yang tidak baik, terutama apabila pihak pemimpin atau guru ada idea-idea yang lain yang tersembunyi daripada awal-awal. Kita tak tahu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang Kementerian Dalam Negeri di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman di sini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, ditanya sama ada kerajaan bercadang mengetatkan undang-undang sedia ada bagi membendung ajaran sesat.

"Mungkin satu cadangan baik yang boleh kita kaji semula, apakah peraturan-peraturan yang ada sekarang mencukupi atau tidak dari segi tindakan-tindakan dan prosedur-prosedur yang boleh diambil," katanya.

Beliau berkata kerajaan sememangnya mempunyai undang-undang yang tidak membenarkan ajaran sesat disebar atau diajar oleh mana-mana pihak.

"Ada undang-undang secukupnya untuk kuatkuasakan apabila berlaku sesuatu kesalahan. Cuma kena pastikan apa yang berlaku dan dibuktikan memang berlaku," katanya.

Ditanya mengenai bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap kakitangan awam yang terlibat dalam ajaran sesat, Abdullah berkata banyak pilihan boleh digunakan.

"Ini perkara disiplin biasa yang saya serahkan kepada Jawatankuasa Disiplin Perkhidmatan Awam untuk tentukan apakah tindakan disiplin yang wajar," katanya.

Abdullah berkata selain tindakan terhadap kakitangan awam yang terbabit dalam kegiatan ajaran sesat, mereka juga boleh diberikan kaunseling agar kembali ke jalan yang benar.

"Kaunseling itu pun perlu diberi perhatian supaya mereka nanti dapat memahami bahawa mungkin selama ini terpedaya dan dengan itu rasa bertaubat kerana telah terikut ajaran sesat," katanya.

Abdullah bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa mungkin ada pihak yang akan cuba mengeksploitasi peristiwa di Sauk, Perak yang menyebabkan tiga orang termasuk dua anggota pasukan keselamatan terbunuh dan 27 anggota kumpulan Al-Ma'unah ditahan.

"Mungkin ada pihak-pihak tertentu yang nak guna peristiwa di Sauk untuk tujuan yang tertentu. Kita tengoklah apa yang akan berlaku nanti," katanya.

Semalam, Dr Mahathir berkata mungkin ada usaha oleh pihak tertentu untuk cuba membesar-besarkan perkara berkenaan atas rasa simpati sehingga boleh menimbulkan huru-hara dalam negara.

Majlis anugerah ini turut dihadiri oleh kedua-dua Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung dan Datuk Zainal Abidin Zin serta Ketua Setiausaha KDN Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

Seramai 56 kakitangan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pertahanan

Awam menerima anugerah berkekaan.

-- BERNAMA

RV LAT